

UMS lahir ramai graduan berdaya saing

► **Pelajar harus manfaat peluang belajar untuk timba ilmu pengetahuan**

LABUAN: Kewujudan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di negara ini memberikan keunikan dalam penawaran program-program pengajian yang diwujudkan.

Pelbagai program praiswazah yang telah menghasilkan graduan-graduan berdaya saing yang mengisi pelbagai peluang kerjaya di pasaran kerja.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, pada kebiasaannya kesesuaian program yang diikuti dilihat sebagai antara punca kepada kesulitan menentukan kerjaya selepas bergraduasi.

Namunkatanya, padazaman globalisasi dan liberalisasi yang berteraskan teknologi maklumat (ICT), dunia tanpa sempadan ini, alasan tersebut tidak boleh lagi dianggap sebagai teori yang dominan.

“Dengan kata lain, sesuatu program atau kursus itu tidak lagi boleh dianggap sebagai faktor penentu kepada jenis kerjaya siswa siswi kelak. Apa sahaja bidang kursus atau program yang diikuti sepanjang pengajian, sebenarnya mempunyai masa depan yang sangat cerah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengenalan Pegawai Utama dan Majlis Ikrar dan Aku Janji sempena Minggu Suai Mesra UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Dewan Utama baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr.



MOHD Harun (tiga kanan) bersama Sharif (kiri), Ismail (kanan), Abdullah (dua kanan) dan Murnizam (dua kiri) mengambil makanan selepas Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji pelajar baru UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Shariff Abd. Kadir Omang Al-Haj, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd. Said dan Pengarah UMSKAL Prof. Madya Dr. Murnizam Halik merangkap Pengerusi MSM 2014/2015.

Mohd Harun berkata, walau bagaimanapun ianya terpulang dengan kebijaksanaan individu tersebut mengaplikasikannya dengan pasaran kerja atau peluang kerjaya yang sentiasa luas menanti.

“Sehubungan itu, semasa mengikuti pengajian di UMS, bertekad dan berusaha

menjadi seorang yang terbaik antara rakan-rakan anda yang terbaik.

“Semoga kehadiran kira-kira 856 pelajar baharu itu ke universiti ini, bakal menghasilkan sinar kejayaan yang cemerlang yang merupakan pengalaman pertama bagi sebahagian besar daripada mereka, dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

“Bagi kalangan siswa-siswi yang baharu memulakan langkah untuk menimba ilmu di universiti ini, sesungguhnya anda telah memperolehi peluang yang sangat baik kerana sepanjang berada di universiti dalam tempoh tiga hingga lima tahun,

anda akan menjalani proses pembentukan diri menjadi orang yang mampu berfikir dan berkemahiran profesional dalam melakukan sesuatu pekerjaan,” katanya.

Justeru, beliau mahu mahasiswa mengguna sepenuhnya kesempatan belajar di universiti untuk menguasai seluas mungkin pengetahuan dan setinggi kemahiran.

“Masa depan yang baik boleh dimiliki oleh setiap orang yang giat berusaha. Tiada kejayaan tanpa usaha sendiri,” katanya.

Mohd Harun berkata, kejayaan yang dicapai tidak semestinya ditentukan oleh latar belakang kehidupan yang baik.



PELAJAR baharu UMS Kampus Antarabangsa Labuan melafazkan ikrar sempena Majlis Suai Mesra 2014/2015.

“Dengan kata lain, sesuatu program atau kursus itu tidak lagi boleh dianggap sebagai faktor penentu kepada jenis kerjaya siswa siswi kelak. Apa sahaja bidang kursus atau program yang diikuti sepanjang pengajian, sebenarnya mempunyai masa depan yang sangat cerah.”

PROFESOR DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

Ini kerana katanya, kebanyakan daripada orang-orang yang berjaya datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

“Maka dengan itu, pelajar yang datang dari keluarga kurang berada, tidak semestinya tidak mampu mencapai kejayaan.”

Beliau juga mahu mahasiswa tidak melupakan saat gembira mereka ketika ibu bapa mengetahui anaknya berjaya masuk ke universiti.

“Jangan abaikan harapan yang mereka sematkan di hati dan jiwa anda serta alpa setiap nasihat yang telah mereka

berikan,” katanya.

Menurut beliau, UMS merupakan universiti ke-9 ditubuhkan di Malaysia dan telah melangkah dan membangun dengan pelbagai pencapaian sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Mohd Harun mahu mahasiswa berbangga kerana terpilih untuk menjadi sebahagian daripada keluarga besar UMS.

Katanya, walaupun berada di Kampus Antarabangsa Labuan yang merupakan kampus cawangan pertama UMS, pihak pengurusan

tertinggi universiti yang berada di Kota Kinabalu sentiasa memberikan komitmen yang tinggi terhadap kampus ini untuk terus membangun seiring dengan pembangunan di seluruh universiti.

“Di sebalik berdirinya dengan megah universiti ini... tulang belakang yang sentiasa berdiri bersama UMS, mentadbir, mengurus, mengajar, mendidik, memberikan dan menyampaikan ilmu, menjaga keselamatan dan kebajikan seluruh mahasiswa dan warga UMS adalah barisan kepimpinan yang terdiri daripada pegawai utama/dekan/ pengarah/ ketua-ketua jabatan dan seluruh warga kerja ums,” katanya.

Hadir sama Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof. Madya Dr. Ag. Asri Ag Ibrahim.